



SEKITARANDBG

EDISI JAN - JUN 2021 | 01/21

PRODUK PELANCONGAN

TERBAHARU DARIPADA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

LUKISAN MURAL

di sepanjang lorong belakang Jalan Besar, Batu Gajah

01

PROGRAM CABUTAN BERTUAH

Mega Tunai Bonanza 2021

02

COVID 19: KAUNTER PANDU LALU BENDUNG PENULARAN

bagi perkhidmatan seperti berikut :

- i. Bayaran Cukai Taksiran
- ii. Bayaran Kompaun

03

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 2.0

Pemantauan dan Pematuhan SOP PKP di Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah



PENASIHAT

MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, AMP.

KETUA EDITOR

SHAHIRI BIN TAN

PENOLONG KETUA EDITOR

MAKHLIS BIN OTHMAN

SIDANG EDITOR

**MOHAMAD SHAH RIDLA BIN MOHD ISMET
AZLENA BINTI AMINUDDIN
NORLIA BINTI ANNUAR
NUR INTAN BINTI ZAHARI
NOR HAZAHAYANI BINTI MAT ZAIN**

REKA BENTUK BRAFIK

FATIN HAZWANI BINTI TARMIDZI

FOTOGRAFI

**AHMAD KAMARUL ANWAR BIN SULINAN
SYED JAMIL HASNAN BIN SHEIKH HASSAN**

PENERBIT

**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
JALAN HAJI ABDUL WAHAB,
31000 BATU GAJAH,
PERAK DARUL RIDZUAN.**

TELEFON: 05-363 2020

FAKS : 05-366 5930

E-MEL : PENTADBIRAN@MDBG.GOV.MY

FACEBOOK : WWW.FACEBOOK.COM/MDBATUGAJAH

BUAT PERTAMA KALINYA PROGRAM CABUTAN BERTUAH BERTUAH CUKAI TAKSIRAN MEGA TUNAI BONANZA 2021 MAJLIS DAERAH BATU GAJAH BERSIARAN SECARA LANGSUNG MELALUI FACEBOOK



Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah mengadakan PROGRAM CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN MEGA TUNAI BONANZA 2021 yang telah disiarkan secara langsung melalui Facebook buat pertama kalinya pada 07 Mei 2021 (Jumaat) lalu.

Program yang bermula pada jam 9.00 pagi itu telah disempurnakan oleh Tuan Yang Dipertua MDBG, Mohamad Razif bin Ramli, *AMP*. Turut hadir bersama ialah barisan Ahli Majlis MDBG bagi melaksanakan proses cabutan bertuah.



Pemenang dan penerima anak pokok hiasan dan sijil penyertaan bagi Pertandingan Landskap Peringkat Tabika Kemas Batu Gajah Tahun 2020 bergambar bersama selesai sesi penyerahan dalam program yang sama.

SEBALIK TABIR

Sebalik tabir pelaksanaan Program Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Mega Tunai Bonanza Majlis Daerah Batu Gajah tahun 2021.

Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat serta penonton yang mengikuti siaran langsung program yang dianjurkan.



Sesi Tuntutan Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Mega Tunai Bonanza 2021



Tahniah!




23 JANUARI 2021

Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) membuka kaunter pandu lalu di pekarangan bangunan utama MDBG bagi memudahkan orang ramai membayar cukai taksiran dan kompaun.

Kaunter pandu lalu yang beroperasi setiap hari Selasa hingga Jumaat (kecuali cuti umum) bermula dari 26 Januari 2021 hingga 28 Februari 2021 itu merupakan langkah yang diambil bagi membendung penularan wabak COVID-19 disamping dapat melicinkan urusan pelanggan.

Pelanggan hanya perlu menunggu dalam kenderaan masing-masing dan langkah ini dapat mengurangkan kontak fizikal sekali gus mengelakkan kesesakan semasa mendaftar masuk untuk berurusan di kaunter.

COVID-19 : KAUNTER PANDU LALU BENDUNG PENULARAN



27 JANUARI 2021

Yang Dipertua MDBG bergambar bersama pembayar cukai taksiran yang menggunakan perkhidmatan Kaunter Kutipan Pandu Lalu. Kaunter ini beroperasi setiap hari Selasa - Jumaat (9.00 pagi - 3.00 petang).





Lukisan Mural

PRODUK PELANCONGAN TERBAHARU DARIPADA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Lukisan mural/street art sekarang sudah menjadi trend. Pasti akan menjadi tarikan untuk pelancong atau pengunjung untuk berswafoto (*selfie*) dan bergambar sebagai kenang-kenangan serta manjadi bukti mereka sudah sampai ke sesuatu tempat.

Majlis Daerah Batu Gajah telah memperkenalkan produk pelancongan terbaharu, penghasilan karya-karya seni artis tempatan melalui lukisan mural di sepanjang lorong belakang Jalan Besar, Batu Gajah.

Warga Perak dan warga Batu Gajah khasnya, marilah beramai-ramai mengunjungi lukisan mural di Batu Gajah dan berkongsi gambar-gambar menarik anda di platform media sosial sekaligus membantu mempromosikan karya artis tempatan ini.





PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Pemantauan dan Pematuhan SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
di Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah

21 JANUARI 2021

PKP 2.0

Kesiapsiagaan petugas Majlis Daerah Batu Gajah di lokasi tumpuan bagi memastikan keselamatan komuniti penduduk. Jadilah komuniti yg peka dan bersama-sama mengurangkan risiko penularan wabak Covid19.



22 JANUARI 2021


PKP 2.0 (Hari Pertama)

Anggota Majlis Daerah Batu Gajah bertugas di Pasar Awam Batu Gajah, Tronoh dan Pusing untuk menjaga SOP di setiap premis. Para pengunjung pasar awam dinasihatkan untuk sentiasa mengekalkan jarak 1 meter, memakai pelitup muka dan menggunakan cecair pembasmi kuman ketika urusan jual beli. Menjaga keselamatan adalah tanggungjawab setiap komuniti agar dapat kita memerangi penularan wabak Covid19.



23 JANUARI 2021

Pemantauan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bermula hari ini di Pasar Awam Batu Gajah dan Pusing. Pengunjung digalakkan untuk datang awal ke pasar untuk keselesaan membeli barang keperluan masing-masing. Beli keperluan yang mencukupi dan sentiasa memakai pelindungan diri seperti topeng muka (face mask) dan cecair pembasmi kuman (hand sanitizer). Semoga kita semua terhindar dari jangkitan wabak COVID19 ini.



24 JANUARI 2021



Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah menyantuni anggota yang bertugas di sekatan jalan raya di Jalan Tg. Juaing. Beliau turut menyerahkan cenderahati kepada para petugas yang turut berkhidmat demi memastikan orang awam mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



Pemantauan Pematuhan Prosedur Piawaian Operasi (SOP) di Pasar Awam Batu Gajah oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah bersama Pegawai Daerah Kinta, IPD Batu Gajah dan Jabatan Penerangan Daerah Kinta.

Program yang diadakan ini adalah inisiatif bersama bagi memastikan pengunjung Pasar Awam Batu Gajah sentiasa mengamalkan SOP yang telah ditetapkan.

Dalam sesi ini, pelitup muka dan pamflet kesedaran Covid19 juga didedarkan kepada para pengunjung secara percuma.

#putuskanrantaiCovid19
#socialdistancing #kitajagakita



Berita Tengah Hari RTM TV1

Pemantauan SOP oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah ke Pasar Awam Batu Gajah.

Sila kekalkan jarak 1 meter, memakai pelitup muka dan membasuh tangan atau menggunakan cecair pembasmi kuman. Bersama - sama kita cegah Covid-19!

Sumber : <https://youtu.be/IRSMV1NRVBI>



Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) sentiasa mengambil langkah pencegahan dengan menjalankan sanitasi di pusat perniagaan tumpuan orang awam terutamanya pasar awam dalam kawasan pentadbiran MDBG dalam usaha mengawal penularan wabak COVID-19. Diharapkan penduduk dalam kawasan pentadbiran MDBG memberikan kerjasama dengan membudayakan amalan menjaga kebersihan serta melaksanakan penjagaan kesihatan sendiri untuk pencegahan penyakit. Penduduk setempat bertanggungjawab untuk menjaga kesihatan diri, keluarga, komuniti dan persekitaran sihat.



Inisiatif Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dalam memastikan kebersihan dan keselamatan pengunjung bazar Ramadan. Anggota kerja MDBG giat menjalankan kerja - kerja sanitasi di bazar Ramadan Dataran Orkid Batu Gajah dalam usaha mengawal penularan wabak COVID-19.

Anggota Majlis Daerah Batu Gajah menjalankan kerja-kerja sanitasi di Pasar Awam Batu Gajah demi memastikan keselamatan dan kebersihan pada tahap yang terbaik.

10 MEI 2021

10 MEI 2021

25 MEI 2021


Kerja - kerja sanitasi di Pasar Awam Pusing oleh anggota Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) melibatkan seramai dua (2) orang daripada Unit Vektor, Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran. MDBG akan terus melaksanakan kerja - kerja sanitasi dari masa ke semasa demi memastikan keselamatan persekitaran awam.



Disinfeksi Asrama Unisem Malaysia Bhd. Simpang Pulai

02 JUN 2021

Terima kasih diucapkan kepada UNISEM MALAYSIA BHD. di atas inisiatif melaksana disinfeksi di asrama kediaman pekerja kilang tersebut. Majlis Daerah Batu Gajah turut hadir bersama bagi menjalankan pemantauan semasa kerja tersebut dilaksana. Impak positif tindakan pencegahan adalah keselamatan bersama dalam komuniti penduduk di kawasan Bandar Pulai Jaya, Simpang Pulai di samping usaha memutuskan rantaian wabak COVID-19.



02 JUN 2021



Majlis Daerah Batu Gajah dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan (JPKK) Kg. Baru Gunung Hijau, Pusing menjalan kerja-kerja sanitasi di Pasar Awam Pusing dan Tronoh.

Terima kasih diucapkan kepada JPKK Kg. Baru Gunung Hijau, Pusing atas kerjasama yang diberikan dalam usaha mengawal penularan wabak COVID-19.

Sanitasi Pasar Awam Pusing dan Tronoh


PKP 3.0

Inisiatif Majlis Daerah Batu Gajah dalam usaha mengawal penularan wabak COVID-19 dengan melaksanakan pemantauan dan pematuhan SOP bagi PKP 3.0 di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah.

Tanggungjawab komuniti amatlah penting bagi keselamatan bersama. Komuniti dinasihatkan untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

PEMANTAUAN SOP PKP 3.0 DI PASARAYA TF VALUE-MART SDN.BHD. BATU GAJAH

Batu Gajah, 20 Mei 2021 - Pemantauan oleh anggota Majlis Daerah Batu Gajah telah diadakan di Pasaraya TF Value-Mart Sdn. Bhd. susulan peningkatan jumlah pengunjung yang mendadak.




PEMANTAUAN PEMATUHAN SOP DI PREMIS PERNIAGAAN BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Anggota penguatkuasaan menjalankan pemantauan di setiap premis perniagaan bagi pematuhan SOP serta memastikan alat pemeriksaan suhu berfungsi dengan baik. Komuniti disarankan penggunaan sepenuhnya aplikasi MySejahtera ketika berada di sesuatu tempat. Pastikan kawalan sendiri dilaksana demi keselamatan bersama.



SESI PERKONGSIAN COVID-19 dan Persekitaran

3 Jun 2021 - Warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah telah diberikan taklimat menerusi sesi perkongsian secara atas talian. Pendedahan yang diberikan membolehkan input-input penting bagi mekanisme pencegahan dapat dilaksana di dalam jabatan dan di peringkat komuniti.





#IXORA-KONGSI REZEKI

**Semarak Ramadan,
Raikan Syawal**

**Sumbangan Barangan Keperluan Harian
(Makanan Kering Sahaja)**

MAKLUMAN

- > Beras
- > Biskut
- > Sardin
- > Mi segera
- > Bihun
- > Gula
- > Garam
- > Susu pekat
- > Tepung gandum
- > Ikan kering
- > Lain-lain

Sumbangan ini akan diagihkan kepada peserta pada 12 Mei 2021.

Sumbangan dalam bentuk tunai tidak diterima.

Tarikh luput barang tidak melebihi 3 bulan.







Terima kasih kepada warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah dan syarikat swasta yang menghulurkan bantuan bagi menjayakan program ini. Sumbangan anda amat bermakna dalam membantu meringankan beban golongan yang memerlukan. Bantuan yang diterima telah diagihkan kepada penerima yang layak bermula 08 Mei 2021.

PENYERAHAN BANTUAN KOTAK MAKANAN KEPADA PESERTA EKASIH DI BAWAH PROGRAM IXORA@MDBG - KONGSI REZEKI

Majlis Daerah Batu Gajah telah menjalankan pengagihan bantuan kotak makanan kepada keluarga yang memerlukan. Senarai penerima adalah berdasarkan permohonan eKasih dan tapisan yang teliti telah dibuat dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan.

08 Mei 2021



10 Mei 2021



#IXORA-KONGSI REZEKI

Program ini merupakan inisiatif Majlis Daerah Batu Gajah bagi membantu golongan yang tidak berkemampuan mendapat bantuan sewajarnya untuk kelangsungan hidup.

Pada kali ini, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah telah menyumbangkan tablet secara peribadi dan kotak makanan daripada Majlis Daerah Batu Gajah kepada seorang pelajar Sekolah Kebangsaan St Paul, Tg.Tualang. Semoga sumbangan yang diberikan dapat membantu pelajar berkenaan mengikuti PdPR (Pembelajaran dan Pengajaran dari rumah) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan.





IXORA MDBG
SUMBANGAN IKHLAS
KEPADA
NUR ARISSA BINTI MOHAMED IDRIS

Adik Nur Arissa disahkan menghidap penyakit HYDROCEPHALUS DAN GERM CELL TUMOR (Ketumbuhan dalam kepala dan takungan cecair dalam kepala). Atas dasar prihatin sesama insan, bantulah sedaya anda.

Sumbangan anda boleh disalurkan ke akaun:
CIMB BANK BERHAD
MOHAMED IDRIS BIN IBRAHIM

CIMB BANK 12210067041529

Sebarang pertanyaan boleh hubungi: **019 - 218 2167**
Mohamed Idris (Ibapa)

"Moga sumbangan kecil kita, memaknakan hidup mereka"

Majlis Daerah Batu Gajah dengan rendah hati mengalu – alukan sumbangan tuan/puan bagi membantu saudara kita adik Nur Arissa binti Mohamed Idris yang menghidap penyakit HYDROCEPHALUS DAN GERM CELL TUMOR (ketumbuhan dalam kepala dan takungan cecair dalam kepala).

Sedikit sumbangan anda amat bermakna kepada mereka. Mohon sebarkan perkara ini kepada kenalan anda. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi talian di paparan.

Bemban, 22 Mei 2021 – Kunjungan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah serta penyerahan sumbangan daripada warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) kepada adik Nur Arissa binti Mohamed Idris. Semoga sumbangan ini dapat membantu beliau dan warga MDBG mendoakan agar adik Nur Arissa diberikan kesembuhan.



07 Jun 2021

Sumbangan barang keperluan harian kepada komuniti penduduk Taman Raia Mesra yang terjejas akibat PKP 3.0

Inisiatif Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) membantu komuniti yang terjejas dalam kawasan operasi MDBG. Tuan Yang Dipertua MDBG mengedarkan kotak makanan kepada Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Raia Mesra dan diharapkan sumbangan yang diberi dapat meringankan beban ahli komuniti yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Komuniti di bawah pentadbiran MDBG boleh merujuk Garis Panduan Libat Urus Komuniti menerusi pautan atas talian di bawah untuk keterangan lebih lanjut.
<http://www.mdbg.gov.my/.../garis-panduan-libat-urus...>



27 Jun 2021

Sumbangan kotak makanan kepada penduduk Taman Desa Pelancongan 2 Lahat yang terkesan dalam tempoh PKP 3.0

Inisiatif Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) membantu komuniti yang terjejas dalam kawasan operasi MDBG. Tuan Yang Dipertua MDBG mengedarkan kotak makanan kepada Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Desa Pelancongan 2 Lahat dan diharapkan sumbangan yang diberi dapat meringankan beban ahli komuniti yang terkesan akibat pandemik COVID-19.



TURUN PADANG (TURPA)

TURPA Yang Dipertua, Ahli Majlis bersama Agensi Penguatkuasaan ke Bazar Ramadan Dataran Orkid dan Taman Batu Gajah Perdana

13 APRIL 2021

Inisiatif ini dilaksanakan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Jabatan Penerangan dalam usaha mengurangkan risiko penularan wabak Covid19. Pengunjung serta penjual harus mematuhi segala SOP yang ditetapkan untuk kebaikan kita bersama.



Selain itu, program ini turut memberi penekanan kepada kempen alam sekitar - hindari / kurangkan penggunaan plastik sekali guna dalam urusan seharian. Pembudayaan amalan ini memerlukan komitmen yang tinggi daripada komuniti penduduk dalam usaha melestarikan bumi kita untuk kesejahteraan generasi masa akan datang.



TURPA Yang Dipertua dan Pentadbir Daerah Batu Gajah bagi Isu Banjir di Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Seri Murni, Batu Gajah

10 MEI 2021

Susulan daripada kes banjir yang dilaporkan pada 8 Mei 2021, satu lawatan tapak bersama pentadbir daerah Batu Gajah telah diadakan bagi mengenal pasti punca isu banjir di RPT Seri Murni, Batu Gajah. Setiap agensi mengambil maklum akan perkara ini dan tindakan pembedahan serta pencegahan akan dilaksanakan mengikut skop agensi masing-masing.



TURPA bagi Isu Banjir di Taman Pusing Debunga, Pusing

10 MEI 2021

Lawatan tapak ke kawasan pembinaan perumahan di Taman Pusing Debunga, Pusing oleh Yang Berhormat Cheah Poh Hian, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah, Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Bangunan serta pemaju bagi isu banjir di kawasan tersebut.

Hasil TURPA tersebut, terdapat beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan dan mesyuarat bersama agensi yang terlibat akan diadakan dalam masa terdekat bagi menangani isu yang berbangkit.




LIBAT URUS KOMUNITI

Program Gotong-royong

KG. BARU PAPAN
28 FEBRUARI 2021

Terima kasih diucapkan kepada komuniti penduduk Kg. Baru Papan menerusi Ahli Majlis dengan kerjasama Lion Club (NGO) dan JPKK Kg. Papan (lama) kerana telah berjaya melaksanakan program gotong royong dan mematuhi prosedur operasi standard yang telah ditetapkan.

Skop gotong royong pada hari ini meliputi kerja pemotongan pokok dan dahan di sekitar lokasi.



KAWASAN LAPANG (LALUAN RAIA MESRA
16, TAMAN RAIA MESRA) | 06 MAC 2021

Terima kasih diucapkan kepada komuniti penduduk Taman Raia Mesra dengan kerjasama Ahli Majlis, syarikat konsesi, Puncak Emas Infra serta warga kerja MDBG dalam usaha melaksanakan program gotong royong berdasarkan aduan / isu yang telah dibangkitkan oleh komuniti penduduk setempat.

Skop gotong royong meliputi kerja-kerja pemotongan dahan dan pembersihan kawasan lapang di lokasi. Pematuhan prosedur operasi standard tidak dilupakan walaupun ketika melaksanakan tugas. Syabas diucapkan kepada anggota dan komuniti yang terlibat.



KG. BARU GUNUNG HIJAU, PUSING
14 MAC 2021

Terima kasih diucapkan kepada komuniti penduduk Kg. Baru Gunung Hijau dengan kerjasama Ahli Majlis, Persatuan Kepolisian Komuniti Pusing, syarikat konsesi Puncak Emas Infra Sdn. Bhd serta warga kerja MDBG dalam usaha melaksanakan program gotong royong berdasarkan aduan / isu yang telah dibangkitkan oleh komuniti penduduk setempat.

Skop gotong royong meliputi kerja-kerja pemotongan dahan dan pembersihan sampah di kawasan sekitar. Pematuhan prosedur operasi standard tidak dilupakan walaupun ketika melaksanakan tugas. Syabas diucapkan kepada anggota dan komuniti yang terlibat.



Bersama Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah bagi Cadangan Membina Kiosk Peniaga Serta Pusat Penjaja Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Sentang



Pembentangan cadangan pembinaan oleh Majlis Daerah Batu Gajah kepada wakil penduduk / komuniti yang berkepentingan dalam usaha membangunkan nilai pendapatan harian kepada komuniti RPT Sentang.

LAWAT TAPAK

05 JANUARI 2021

Lawat Tapak Yang Dipertua bersama Ahli Majlis, Penghulu Mukim Belanja, Jabatan Teknikal MDBG serta wakil penduduk Bandar Baru Siputeh

Skop sesi lawatan adalah pemantauan bagi isu aduan ketiadaan longkang di lorong belakang Laluan 27, Bandar Baru Siputeh 31560 Siputeh Perak.

MDBG memandang serius akan aduan yang telah dibangkitkan. Tindakan penyelesaian terhadap sesuatu aduan yang diterima adalah bergantung kepada tahap risiko dalam tindakan dan komplikasi sesebuah aduan. Sehubungan itu, pemahaman yang sempurna antara pihak-pihak yang terlibat amat penting dalam mencapai kata sepakat seterusnya aduan dapat diselesaikan dengan harmoni dan memberi impak baik secara keseluruhannya.



19 FEBRUARI 2021

Lawat Tapak Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah bagi kerja-kerja penyelenggaraan alat mainan di Taman Awam Menara Tanjak

Inisiatif Majlis Daerah Batu Gajah melaksanakan kerja-kerja ini secara *in house* adalah bagi memastikan persekitaran landskap di kawasan tersebut sentiasa terpelihara dan mencapai misi bagi menjadikan Batu Gajah Bersih, Hijau dan Indah.



01 APRIL 2021

Sesi Perbincangan dan Lawatan Tapak Bagi Tujuan Penyelidikan Kajian Penilaian Outcome Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah 2025

Sesi lawatan oleh PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) melalui Pejabat Projek Zon Tengah.

Objektif lawatan tapak ini bertujuan untuk mengukur pencapaian program / projek pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) yang dilaksanakan Pihak Berkuasa Tempatan selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012.

Antara lokasi yang menjadi pilihan adalah Kawasan Rekreasi Hutan Lipur Papan, Kawasan Perindustrian Pengkalan II, Kellie's Castle, Galeri Rumah Lat dan Tanjung Tualang Tin Dredge No.5 @ TT5. Rombongan yang turut diiringi oleh pegawai daripada Majlis Daerah Batu Gajah ini juga dibawa untuk meninjau pembinaan lokasi Batu Gajah Outlet @ Kinta Valley yang bakal dibuka pada tahun ini.



Program Penyerahan Bubur Lambuk


Oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah kepada Pengunjung Bazar Ramadan Batu Gajah

07 MEI 2021

Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah mengedarkan bubur lambuk kepada pengunjung bazar ramadan Batu Gajah sempena bulan Ramadan Al-Mubarak.

Sebagai makluman, bubur lambuk tersebut disediakan secara gotong - royong oleh anggota kerja Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG).

Justeru, dikesempatan ini MDBG mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin. Sila pastikan SOP Sambutan Hari Raya Aidilfitri dipatuhi sepenuhnya dalam usaha sama mencegah wabak COVID19.





EcoGreen Market



Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah menganjurkan Program Eco Green Market seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 11 April 2021 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi - 12.00 tengahari
Tempat : Pasar Awam, Batu Gajah

Objektif penganjuran program ini adalah bagi memberi pendedahan kepada komuniti dan dapat mengurangkan kesan perubahan iklim. Sehubungan itu, seluruh komuniti dalam kawasan pentadbiran dijemput hadir dengan membawa bersama-sama barangan kitar semula untuk ditukarkan dengan barangan keperluan harian.

Sedikit usaha kita pada hari ini, boleh menjamin kelestarian generasi akan datang. Diingatkan juga kepada pengunjung supaya dapat memastikan SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dipatuhi. Terima kasih.

Sesi pertukaran barang masih lagi berlangsung. Tuan/puan adalah dijemput untuk membawa barangan kitar semula seperti kaca, plastik, kertas dan juga pakaian terpakai untuk ditukarkan kepada barangan keperluan harian. Sila hadir ke khemah Majlis Daerah Batu Gajah dan anda akan diberi penerangan dan bantuan oleh urusetia kami. Semoga usaha kita dapat menyelamatkan bumi demi kesejahteraan generasi akan datang.



LAWATAN KERJA PENANDA ARASAN ke Majlis Daerah Kampar

Lawatan kerja penanda arasan Majlis Daerah Batu Gajah ke Majlis Daerah Kampar ini adalah bertujuan bagi perkongsian ilmu mengenai kaedah penyelarasan Program Kualiti Inovasi dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah dilaksanakan oleh pihak MDKpr. Sesi perkongsian ilmu ini telah diketuai oleh Puan Khumaizah binti Aziz selaku Penolong Pegawai Tadbir yang mengurus setia program kualiti di MDKpr.



Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar, Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP meluangkan masa bertemu dengan wakil pengurusan Majlis Daerah Batu Gajah, Encik Makhlis dan Encik Shah Ridla.



Tarikh : 25 Mac 2021 (Khamis)

Tempat : Bilik Mesyuarat Cassia Biflora, MDKpr

Penglibatan :

Pegawai dari Majlis Daerah Batu Gajah

- Encik Makhlis bin Othman
- Encik Mohamad Shah Ridla bin Mohd Ismet
- Puan Nor Hazahayani binti Mat Zain
- Puan Normawati binti Harun
- Puan Rosilawati binti Iskundrally
- Cik Fatin Hazwani binti Tarmidzi
- Encik Shahril Rizal bin Mohamed Nasir
- Puan Siti Noridayu binti Mohd Zain
- Encik Farid Izwan bin Azman
- Puan Monaliza binti Sha'ardin
- Puan Mas Anum binti A.Shaffie

Urusetia Program :

Unit Perhubungan Korporat & Hal Ehwal Komuniti MDKpr

SESI KUNJUNGAN HORMAT

Wakil Persatuan Penduduk Taman Raja Mesra bersama YDP Majlis Daerah Batu Gajah

Satu sesi ramah mesra telah diadakan pada 8 April 2021 di Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG). Kunjungan ini diadakan bertujuan mewujudkan platform interaksi Pihak Berkuasa Tempatan bersama stakeholder dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah.

Segala usaha, teguran, pandangan dan pendapat yang telah diberikan disambut baik dalam memastikan keberkesanan pentadbiran MDBG.





18 JUN 2021

Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis, Majlis Daerah Batu Gajah telah diadakan secara atas talian dengan jumlah lantikan seramai 25 orang Ahli Majlis bagi tempoh lantikan 01 Mei 2021 hingga 30 April 2023.



1. Datuk Wira Haji Mohd Yusoff bin Kassim
2. Encik Rahmatullah bin Abdul Razak
3. Encik Samsuhaini bin Md Said
4. Encik Mohamed Salleh bin Yang Mohamed Ali
5. Encik Zainal Aznam bin Mat Ganti
6. Encik Mohd Hakim bin Mohd Yusoff
7. Encik Nallathamby A/L Thannimalai
8. Encik Yong Kwong Fatt
9. Encik Lum Gian Fatt
10. Puan Norazlina binti Jhaffar
11. Puan Noor Iashah binti Husain
12. Encik Zainudin bin Said
13. Encik Mat Tarmizi bin Mohd Som
14. Encik A. Raman bin Aminudin
15. Encik Zinudian bin Kalandin Khan
16. Encik Ismail bin Ariffin
17. Encik Samsul Baharin bin Yahaya
18. Tuan Haji Ahmad Rizal bin Zohdi
19. Encik Norddin Bin Japarali
20. Encik Helmi Kamal bin Mustaffa Kamal
21. Encik Leong Chee Wai
22. Encik M Kamil bin Bidin
23. Encik Jamli bin Ismail
24. Encik Noor Hisham bin Abdul Rahman

14 JANUARI 2021

SESI PENYERAHAN

Siji Penghargaan Kepada Petugas & Penyumbang Semasa Pandemik Covid-19 Tahun 2020

1. Pasar Mini Ong Ong Lai
Lot 191, Jalan Pandak Akhat
31000 Batu Gajah
2. Eng Huat Hardware Trading
No.1 dan No. 3, Jalan Besar/Pekan ronoh,
31750 Tronoh, Perak
3. Al-Barady Group Holdings Sdn. Bhd.
No.2, Persiaran Siputeh Mas,
Taman Siputeh Mas,
31560, Siputeh Perak
4. Pasar Mini Fair Mart Sdn. Bhd.
37-39, Leboh Dewangsa, Jalan Dewangsa,
31000 Batu Gajah, Perak
5. Warung Nasi Ayam Abang Joi
6. Restoran Konjili



Pengauditan EKSA Bil.1/2021

Pengauditan EKSA telah dijalankan pada 05 Januari 2021 berdasarkan kepada Garis Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MDBG dengan menggunakan kriteria senarai semak Pengauditan EKSA terkini yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU.



Bengkel Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA)

05 Januari 2021,
Auditorium Aras 1, MDBG

Penceramah:
YBrs. Tuan Elfian Satria bin Yaacob, Pengarah BPA Perak

SISPAA (Sistem Pengurusan Aduan Awam)

Merupakan sistem aduan awam yang dibangunkan oleh Biro Pembangunan Awam (BPA) yang berperanan sebagai sistem pengurusan aduan awam dan maklumbalas pelanggan yang seragam dan bersepadu. Ia digunakan sepenuhnya oleh setiap bahagian IPKKM, JKN dan fasiliti di bawah KKM meliputi penerimaan, pendaftaran, pemantauan dan pelaporan.

Jenis isu aduan:

- Klinikal
- Medikolegal
- Pengurusan
- Teknikal
- Integriti

Peluasan SISPAA di negeri Perak merupakan kerjasama di antara Biro Pengaduan Awam (BPA) dan Pentadbiran SUK Perak. Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Aduan atas talian boleh diakses bermula 4 Januari 2021.



OPERASI HAIWAN MERAYAU

Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) mengambil serius isu haiwan ternakan yang berkeliaran dan mendatangkan bahaya kepada komuniti setempat. Justeru, tindakan pelaksanaan operasi telah dijalankan secara berkala dan konsisten bagi menangani isu ini.



Operasi tangkapan anjing liar di kawasan kejiranan Bandar Pulau Jaya. Bertindak melalui aduan yang diterima menerusi surau Al-Ikhlas Bandar Pulau Jaya, satu operasi tangkapan anjing liar telah diadakan di sekitar kawasan kejiranan Bandar Pulau Jaya.



Pada 27 Februari 2021, telah diadakan operasi sebagai langkah pembetulan bagi kes haiwan merayau di Kg. Baru Sg. Durian. Operasi ini melibatkan kerjasama antara Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan telah berjaya menangkap 2 ekor lembu yang berkeliaran di sekitar lokasi tersebut.

Dalam tempoh 20-22 Januari 2021, satu operasi telah berlangsung yang melibatkan MDBG dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Operasi ini melibatkan beberapa lokasi antaranya Taman Tronoh Awana, Taman Bemban Raya, Kg. Baru Bali, Desa Changkat, Taman Tualang Indah dan Kg. Changkat Mengkenan. Sehubungan itu, sebarang maklum balas amat dihargai demi meningkatkan mutu perkhidmatan kami kepada komuniti.



Operasi tangkapan anjing liar di dalam kawasan operasi Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di Kg. Bali, Bandar Baru Batu Gajah dan Bandar Pulau Jaya.

Operasi tangkapan anjing liar di dalam kawasan operasi Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah diadakan di Medan Bali Emas, Desa Tronoh, Kampung Serani dan Batu Gajah Perdana (Medan Selera). Bertindak atas aduan orang ramai, penguatkuasa MDBG telah berjaya menangkap sebanyak 15 ekor anjing di lokasi-lokasi yang dinyatakan.

Tindakan dilaksana berdasarkan aduan yang diterima oleh komuniti penduduk di kawasan-kawasan tersebut. Hasil daripada operasi yang dijalankan, MDBG dan JPV telah berjaya menangkap sebanyak 15 ekor anjing.

Pasukan pemantau kerosakan jalan sedang melaksanakan kerja-kerja penurapan jalan berdasarkan aduan penduduk di Taman Mewah, Taman Metro Pengkalan dan Taman Pusing Baru.

PEMANTAUAN KEROSAKAN JALAN



Majlis ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2020

MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Pada 09 Mac 2021, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah mengadakan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 bertempat di Dewan Bandaran Kinta, Batu Gajah. Majlis telah disempurnakan oleh Yang dipertua MDBG, Mohamad Razif bin Ramli, AMP. Majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Ahli Majlis MDBG.

Sebagai makluman, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini adalah selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 tahun 2002 dan penganugerahan ini merupakan satu pengiktirafan kepada pegawai atau kakitangan MDBG yang menunjukkan prestasi yang cemerlang pada sepanjang tahun dinilai. Anugerah ini terbuka kepada semua pegawai atau kakitangan samada tetap ataupun kontrak yang telah genap setahun penuh perkhidmatan pada hari terakhir penilaian dengan mendapat markah penilaian prestasi sekurang-kurangnya 85 peratus. Pemilihan dilakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Lembaga. Kouta Anugerah Perkhidmatan adalah dihitung berdasarkan kepada jumlah 8% daripada jumlah pegawai/kakitangan pada tahun semasa.

Dengan pelaksanaan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini, ia dapat menghargai sumbangan cemerlang yang diberikan oleh pegawai/kakitangan, menjadi contoh kepada pegawai/kakitangan lain dan menanam budaya kerja cemerlang. Tahniah diucapkan kepada kakitangan yang menerima anugerah! Semoga pemberian anugerah ini akan menjadi penggerak transformasi dan peneraju perubahan positif dalam membudayakan kecemerlangan kakitangan MDBG.



Berikut adalah senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 Majlis Daerah Batu Gajah ;

1. Makhlis bin Othman, Penolong Pegawai Tadbir Kanan N36
2. Farid Izwan bin Azman, Penolong Jurutera JA29
3. Abdul Halim bin Abdul Rahman, Pembantu Penguat Kuasa KP19
4. Jaya Latchumi a/p Pakrisamy, Pembantu Tadbir (P/O) N19
5. Siti Noridayu binti Mohd Zain, Pembantu Tadbir (P/O) N19
6. Hawa Syazwani binti Abdul Aziz, Pembantu Tadbir (P/O) N19
7. Mai Norsyakirin binti Ahmad Zani, Juruteknik Komputer FT19
8. Hamizi bin Mohd Zain, Pembantu Awam H11
9. Mohd Radzi bin Mohd Razali, Pembantu Awam H11
10. Surani bin Mohamad, Pembantu Awam H11
11. Abdul Halim bin Khatam, Pembantu Awam H11
12. Sharifuddin bin Sangkut, Pembantu Awam H11
13. Zamri bin Ibrahim @ Tan, Pembantu Awam H11
14. Ahmad Fauzi bin Md Isa, Pembantu Awam H11
15. Ahmad Nazari bin Sitam, Pembantu Awam H11
16. Ahmad Anuar bin Mohd Yusof, Pembantu Awam H11
17. Nor Shahrul Rizan bin Jumahary, Pembantu Awam H11





Majlis turut meraikan para pesara yang telah menamatkan perkhidmatan mereka pada tahun 2020 seperti senarai berikut:

1. Zahratul Aini binti Md Ismail (Tarikh bersara : 01 Januari 2020)
2. Ahmad Rashid bin Mat Sahid (Tarikh bersara : 01 Februari 2020)
3. Mohd Idrus bin Ismail (Tarikh bersara : 10 Oktober 2020)
4. Achana a/I Appalaszwamy (Tarikh bersara : 21 November 2020)
5. Hamzah bin Mohd Noor (Tarikh bersara : 25 Disember 2020)



Penyampaian sijil bagi Anugerah Khas Jabatan, Anugerah Khas Frontliners Covid-19, Anugerah Khas Setiausaha, Anugerah Khas Yang Dipertua, dan Anugerah Terampil turut disampaikan semasa majlis berlangsung.




SISPAA

Sistem Pengurusan Aduan Awam

Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

Aduan atas talian boleh diakses bermula :

4 Januari 2021



Pergi ke pautan rasmi
<https://perak.spab.gov.my/>

atau

IMBAS QR CODE



01

Pilih Aduan/
Maklum Balas
Baharu

02

03

Isi maklumat berkaitan
(wajib mengisi bagi
maklumat bertanda *)

Butiran peribadi anda:

Nama * :

No. Pengenalan * :

No. Telefon * :



No. Telefon Bimbit * :

E-mel * :

Alamat :

04

Selepas menghantar aduan,
pastikan nombor aduan
disimpan untuk rujukan masa
hadapan





Terbitan:



Majlis Daerah Batu Gajah
Jalan Haji Abdul Wahab, 31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan.
Tel: 05-363 2020 | Faks: 05-366 5930